

Malayan Union dan Persekutuan 1948

Oleh

Dr Ahmad Kamal Ariffin Bin Mohd Rus

Pengenalan

Perlembagaan Malayan Union yang diperkenalkan pada 1 April 1946 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang berkuatkuasa pada 1 Februari 1948, meskipun telah melahirkan sebuah negara bangsa baru, namun dari segi perundangan dan struktur pemerintahannya memperlihatkan pertentangan yang ketara. Perlembagaan Malayan Union, memindahkan segala kekuasaan Raja-raja Melayu kepada Raja Britain sekaligus telah menenyapkan kedaulatan para baginda. Manakala dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, kedaulatan Raja-raja Melayu telah dikembalikan. Walau bagaimanapun, dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, para baginda perlu menyerahkan sebahagian daripada kekuasaan baginda bagi membolehkan kerajaan pusat yang dibentuk dapat berfungsi dalam sistem pemerintahan persekutuan. Perlembagaan Malayan Union juga dilihat memperuntukkan pelaksanaan pemerintahan bersifat kesatuan. Kerajaan pusatnya diketuai oleh seorang Gabenor yang diperuntukkan kuasa yang begitu luas. Kerajaan negeri sungguhpun dikekalkan namun tidak ditetapkan sebarang bidang kuasa kecuali jika diturunkan oleh kerajaan pusat. Perlembagaan Persekutuan 1948 pula, meletakkan Negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka di bawah sistem persekutuan yang menggariskan pemisahan kuasa yang jelas antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Memandangkan perbincangan mengenai Malayan Union dan Persekutuan 1948 telah banyak diperkatakan oleh para sarjana, maka kertas ini akan lebih difokuskan kepada persoalan-persoalan seperti sejauh mana mudahnya MacMichael memperoleh tandatangan Raja-raja Melayu, pelaksanaan Perlembagaan Malayan Union dan

sejauh mana perlembagaan Persekutuan 1948 telah menetapkan Raja-raja Melayu pada kedudukan seperti mana sebelum tercetusnya perang.

Pembicaraan mengenai ketiga-tiga aspek tersebut sememangnya suatu keperluan disebabkan masih terdapat isu dan ruang untuk diperkatakan. Menurut Simon C. Smith, ‘*..the general concensus is that MacMichael completed his task with little real opposition from the rulers.*’¹ Sementara itu Richard Stubbs pula menyatakan ‘*...MacMichael was able to secure their (the Rulers) agreement to the terms of the Malayan Union with remarkably little fuss.*’² Namun begitu, jika diteliti reaksi Raja-raja Melayu, misi MacMichael tidaklah semudah seperti mana yang disangkakan. Begitu juga dengan Perlembagaan Malayan Union tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya atas pelbagai halangan. Persoalan mengenai kedudukan Raja-raja Melayu dalam Perlembagaan 1948 perlu diberi pertimbangan yang teliti memandangkan ramai pihak yang beranggapan bahawa kedaulatan Raja-raja Melayu telah dikembalikan kepada kedudukan sepertimana sebelum Perang Dunia Kedua.

Misi Sir Harold MacMichael , 18 Oktober 1945-21 Disember 1945

Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 dan pada 3 September 1945, tentera British telah mendarat di Pulau Pinang. Manakala pada 5 September 1945, pentadbiran tentera British bermula di Tanah Melayu. Pada 11 Oktober 1945, Sir Harold MacMichael sebagai wakil kerajaan Britain tiba di Pelabuhan Swettenham dengan kapal *Royalist*. Dalam tempoh antara 18 Oktober hingga 21 Disember 1945, MacMichael telah menjelajah ke seluruh negeri Melayu bagi mendapatkan tandatangan baginda menyerahkan kuasa perundangan kepada kerajaan Britain. Pada 22 Januari 1946, kertas putih mengenai Malayan Union telah diisytiharkan untuk bacaan awam. Allen dalam kajiannya berpendapat bahawa British

¹ Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*, New York: Oxford University Press, 1995, hlm. 60.

² Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency, 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989, hlm. 23.

sememangnya merancang untuk memindahkan kedaulatan Raja-raja Melayu kepada Raja Britain. Sehubungan itu, Allen menyimpulkan bahawa perjanjian MacMichael merupakan suatu penaklukan ke atas Tanah Melayu.³

Sungguhpun tugas MacMichael dilihat berjalan lancar, namun pada hakikatnya ia tetap dilaksanakan dengan penuh berhati-hati. British khuatir sekiranya terdapat Raja Melayu yang tidak bersetuju menurunkan tandatangan bermakna rancangan Malayan Union akan gagal. Perhitungan itu dapat diukur daripada beberapa petunjuk. Sebagai contoh pihak British telah memperincikan pilihan orang yang paling layak menjalankan tanggungjawab untuk mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu. MacMichael dipilih kerana pertimbangan pengalamannya di Transjordan dan Palestin. Di pihak MacMichael pula, untuk tidak menggagalkan segala perancangan yang telah diatur, dia meminta supaya perjalanannya dibekalkan dengan persiapan yang dapat meninggikan prestijnya sebagai wakil Raja Britain. Ini penting kerana baginya, Raja-raja Melayu sangat mengambil berat soal martabat dan ketinggian status.⁴ Antara lain MacMichael juga meminta dirinya dilantik sebagai ahli Majlis Privy bagi membolehkannya memakai gelaran *Right Honourable*. Dia juga mahukan pelayarannya ke Tanah Melayu menaiki kapal perang Diraja yang besar. Ketibaannya di Tanah Melayu perlu disambut dengan upacara yang gemilang. Ini perlu dilakukan di Pelabuhan Swettenham dan bukannya di pelabuhan Pulau Pinang atau Singapura. Kediamannya di Kuala Lumpur mestilah di King House (sekarang Carcosa Seri Negara). Kenderaannya pula mestilah sebuah kereta salon yang besar dan warnanya bukan warna kenderaan tentera.

Untuk memastikan misi MacMichael disempurnakan dengan baik, seorang wakil telah dihantar terlebih dahulu untuk meninjau sejauh manakah sokongan Raja-raja Melayu

³ J.de V. Allen, *The Malayan Union*, New Heaven, Yale: University Southeast Asia Studies, 1967, hlm. 18-19.

⁴ Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 109.

terhadap British. Tanggungjawab ini dilaksanakan oleh H.C Willan.⁵ Willan menjalankan tugasnya antara 8-20 September 1945.⁶ Laporan Willan menampakkan keyakinan yang tinggi bahawa Raja-raja Melayu akan menyokong British memberi kelegaan kepada MacMichael. Walau bagaimanapun MacMichael tetap dibekalkan dengan satu senjata yang mustajab iaitu jangan mengiktiraf Raja-raja Melayu yang tidak mahu menurunkan tandatangan. Willan juga telah membekalkan satu senarai pengganti yang layak bagi sultan yang enggan bekerjasama. Selain itu, MacMichael juga tidak berseorangan dalam menjalankan tugasnya. Dia ditemani oleh A.T. Newbolt.⁷ Kehadirannya menurut MacMichael amat membantu. Malah, MacMichael menyebut dalam laporannya, tanpa Newbolt perjanjian dengan Raja-raja Melayu tidak mungkin dapat disempurnakan dengan lancar.⁸

Sungguhpun tugas MacMichael dilihat berjalan lancar, namun pada hakikatnya ia bukanlah suatu tugas yang mudah. Hanya Johor dan Selangor sahaja bersetuju menandatangani perjanjian tersebut tanpa banyak bantahan atas dasar setia kawan. Manakala di Negeri-negeri Melayu lain seperti Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Perlis MacMichael terpaksa menggunakan senjata ugutan sama ada tidak mengiktiraf baginda sebagai Sultan ataupun menggantikan baginda dengan calon Sultan yang baru. Manakala di Pahang, Kelantan, dan Terengganu MacMichael turut menerima tentangan daripada para baginda tetapi tentangan tersebut tidaklah begitu kuat. Oleh itu, laporan Willan ternyata tidak menepati harapan MacMichael.

⁵ H.C Willan merupakan Timbalan Ketua Hal Ehwal Awam dalam pentadbiran tentera British di Tanah Melayu. Sebelum Perang Dunia Kedua, beliau juga pernah menjawat kedudukan sebagai Tmbalan Penasihat Undang-undang bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1934.

⁶ Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, hlm. 104-116.

⁷ A.T. Newbolt dilahirkan pada tahun 1896. Beliau menerima pendidikan di Kingwood school dan oxford. Pada tahun 1920, Newbolt menyertai Malayan Civil Servis (MCS). Manakala pada tahun 1940, Newbolt dilantik sebagai setiausaha bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Selain itu, beliau juga merupakan ahli bagi Malayan Planning Unit (MPU). Sebagai seorang ahli MCS, Newbolt sebenarnya sangat dikenali dalam kalangan Raja-raja Melayu. Oleh itu, beliau berperanan besar dalam usaha MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu.

⁸ A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, Kuala Lumpur: MBRAS Monograph No: 8, 1979, hlm. 50.

MacMichael memulakan lawatan tugasnya di Johor pada 18 Oktober 1945 menghadap Sultan Ibrahim. Baginda hanya diberi masa satu malam untuk membaca dokumen tersebut. Pada 20 Oktober 1945 Sultan Ibrahim telah menurunkan tandatangannya. Keputusan itu diambil tanpa mendapatkan pertimbangan Majlis Menteri atau badan perundangan Johor terlebih dahulu terutamanya mengenai isi kandungan dokumen tersebut. Oleh itu, Mac Michael dalam laporannya kepada pihak atasan di England memaklumkan bahawa rundingannya dengan Sultan Ibrahim berjalan dengan baik sekali dan secara tidak langsung memberi keyakinan yang tinggi kepada MacMichael untuk mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu yang lain. Hal ini disebabkan MacMichael berpendapat, jika Sultan Ibrahim sudah bersetuju dengan Malayan Union, maka tidak sukar untuk pihak British mendapatkan persetujuan dari sultan-sultan negeri yang lain. Misalnya, MacMichael berjaya mendapatkan tandatangan Sultan Hishammudin Alam Shah pada 24 Oktober 1945 iaitu empat hari selepas Sultan Ibrahim menurunkan tandatangannya. Begitu juga di Pahang apabila MacMichael hanya mengambil masa dua hari sahaja untuk mendapatkan tandatangan Sultan Abu Bakar pada 2 November 1945.

Walau bagaimanapun, tidak semua Raja-raja Melayu menerima mudah perlembagaan tersebut. Di Negeri Sembilan misalnya MacMichael terpaksa berhadapan dengan tentangan dari Tuanku Abdul Rahman. Yam Tuan menganggap perjanjian Malayan Union merupakan isu sensitif yang dilihat akan menjejaskan maruah dan statusnya sebagai Yam Tuan. Oleh itu, Yam Tuan menolak untuk menandatangani perjanjian tersebut. Selain Yam Tuan, empat Undang iaitu Dato' Maamor bin Kassim (Dato' Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujong), Dato Shahmaruddin bin Abdul Rahman (Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman, Undang Luak Jelevu), Dato' Kamat bin Sulaiman (Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan, Undang Luak Johol) dan Dato' Haji Ipap bin Abdullah (Dato' Lela Maharaja, Undang Luak Rembau) turut membantah tindakan MacMichael memaksa Tuanku Abdul Rahman

menandatangani perjanjian tersebut.⁹ Antara keempat-empat Undang tersebut, Dato Rembau dilihat sangat tidak bersetuju dengan perbuatan menurunkan tandatangan itu. Malah, Dato Kelana yang sedang uzur ketika itu turut datang ke Seri Menanti berjumpa dengan MacMichael bagi menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap tindakan MacMichael. Manakala, Dato Jelevu pula berpendapat bahawa, ‘... Malayan Union merupakan suatu perkara yang sudah jadi dan sungguhpun ia ditentang, ia berkata di dalam keadaan seperti ini, tidaklah ada bezanya sama ada ia menurunkan tandatangan ataupun tidak’. Dato’ Johol pula merupakan seorang yang sangat tua dan boleh dikatakan tidak mengenal huruf dan nyata sekali tidak memahami betul-betul apa yang sedang berlaku.¹⁰ Sebagai seorang peguam, Yam Tuan menyedari bahawa perlembagaan ini ternyata akan merugikan kedudukannya sebagai Yam Tuan dan orang Melayu secara keseluruhannya. Oleh itu, Yam Tuan menuntut untuk ke pergi ke London berjumpa sendiri dengan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan London bagi meminda semula memorandum tersebut.¹¹ Namun begitu, pada 14 November 1945, Tuanku Abdul Rahman akhirnya terpaksa menurunkan tandatangan setelah didesak oleh MacMichael.

Setelah berjaya mendapatkan tandatangan Tuanku Abdul Rahman, MacMichael menghadap Sultan Abdul Aziz di Perak pada 20 November 1945. MacMichael berpendapat Sultan Abdul Aziz merupakan antara Sultan yang cerdas dan tegas. Oleh itu, MacMichael merasakan bahawa tugasnya untuk mendapatkan tandatangan Sultan Abdul Aziz bukanlah tugas yang mudah. Ternyata apa yang dirasakan oleh MacMichael adalah benar. Sama seperti Tuanku Abdul Rahman di Negeri Sembilan, Sultan Abdul Aziz juga berpendapat bahawa perjanjian itu bukan sahaja tidak menguntungkan orang Melayu, malah mengancam kedaulatan serta ketuanan orang Melayu apabila kedaulatan Raja-raja Melayu dihapuskan. Malah, menurut Sultan Abdul Aziz lagi dasar kerakyatan yang liberal ini akan menyebabkan

⁹ A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 54.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*, hlm. 63.

orang Melayu kehilangan kedudukannya sebagai penduduk Bumiputera akibat daripada kerakyatan Malayan Union longgar. Baginda juga bimbang orang Melayu akan menjadi satu masyarakat yang kecil di Tanah Melayu, manakala golongan bukan Melayu pula akan bertambah. Orang Melayu juga akan kehilangan hak dan keistimewaan mereka di bumi sendiri apabila mereka dianggap mempunyai taraf yang sama dengan golongan bukan Melayu. Oleh itu, Sultan Abdul Aziz juga dilihat cuba melengah-lengahkan masa untuk menandatangani perjanjian tersebut. Baginda memberi alasan bahawa, beliau perlu berbincang dengan ahli kerabatnya yang lain terlebih dahulu sebelum bersetuju menurunkan tandatangan. Akhirnya, pada 22 November 1945, Sultan Abdul Aziz juga terpaksa menurunkan tandatangannya terhadap perjanjian Malayan Union ini.

Selepas Perak, MacMichael menghadap Sultan Badlishah di Kedah pada 29 November 1945. Di Kedah, tentangan yang diterima oleh MacMichael tidak kurang hebatnya. Beliau juga terpaksa menggunakan ugutan sebagai senjata utamanya apabila Sultan Badlishah dilihat begitu degil dan berkeras dengan keputusannya untuk tidak menandatangani perlembagaan Malayan Union. Dalam pertemuan pertamanya dengan Sultan Badlishah, berlaku perdebatan hebat antara kedua-dua pihak. Menurut MacMichael, Sultan Badlishah belum lagi diakui sebagai Sultan oleh Kerajaan British. Baginda cuma diakui sebagai bakal Sultan sahaja. Selain itu, selama Penasihat British berada di Kedah, Sultan tidak berkuasa mutlak dan Kedah bukanlah sebuah negeri yang bebas. Malah, menurut MacMichael lagi, ‘*it was fortune that his majesty government had not concluded as would have been consonant with modern conception democratic government that the sultanates were altogether out of date*’.¹² Sultan Badlishah membidas kenyataan tersebut dan mengatakan bahawa perjanjian baru ini merupakan salah satu tipu muslihat British untuk menukarkan taraf Negeri-negeri Melayu daripada sebuah negeri naungan kepada tanah jajahan British. Malah ia dilihat

¹² Ibid., hlm. 62.

sebagai satu usaha British untuk memanjangkan lagi tempoh penjajahan British di Tanah Melayu. Menurut Sultan Badlishah lagi, '*the technique adopted by His Majesty's Government appeared to be not unlike the familiar Japanese technique of bullying*'.¹³ Pada masa yang sama, MacMichael turut menegaskan bahawa Sultan Johor sudah pun menurunkan tandatangan baginda dan jika terdapat perkara-perkara yang merugikan kedudukan Raja-raja Melayu sudah pasti Sultan Johor tidak akan menurunkan tandatangannya terhadap perjanjian baru itu. MacMichael terkejut apabila Sultan Badlishah menjawab, tidak semestinya Kedah akan mengikut apa yang dibuat oleh Johor.¹⁴

Selain Sultan Badlishah, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah yang lain turut membantah Perlembagaan Malayan Union. Setelah tiga hari berbincang, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah yang diketuai Tuan Haji Mohammad Sheriff akhirnya terpaksa beralah dengan Newbolt dan MacMichael. Tunku Yaakub mencadangkan supaya baginda Sultan menurunkan tandatangan kerana tidak ada jalan lain lagi.¹⁵ Manakala, Haji Mohammad Sheriff juga telah menggunakan pelbagai helah dan kepintarannya untuk menolak dan melambat-lambatkan tandatangan tersebut. Pada 2 Disember 1945, MacMichael sekali lagi datang menemui Sultan Badlishah untuk mendapatkan tandatangan baginda. Malah Mac Michael turut mengingatkan baginda bahawa, '*...his formal recognition as Sultan would depend on his assurances that he was prepared to sign the treaty*'. Jika tidak baginda akan diturunkan takhtanya sebagai Sultan. Dengan rasa berat hati, Sultan Badlishah akhirnya terpaksa menurunkan tandatangannya. Menurut baginda, '*...this was the most distressing and painful moment of his entire life*'.¹⁶

Setelah bersusah payah mendapatkan tandatangan Sultan Badlishah, MacMichael seterusnya berangkat ke Perlis untuk menemui Raja Perlis. Di Perlis, tugas MacMichael juga

¹³ Ibid.

¹⁴ A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 57.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

tidak mudah. MacMichael terpaksa berhadapan tentangan daripada Tuanku Syed Putra Jamalullai dan beberapa orang pembesar negeri yang lain. Tentangan diterima apabila MacMichael mendesak Raja Perlis menurunkan tandatangannya. Malah, Tuanku Syed Putra Jamalullai juga didesak untuk menyerahkan kedaulatan Kerajaan Perlis, namun baginda menolak. Tambahan pula, kandungan perjanjian Malayan Union amat bertentangan dengan Perjanjian Perlis-British 1930 yang dimeterai oleh Raja Syed Alwi. Dalam situasi ini, beberapa orang para pembesar negeri Perlis seperti Haji Ahmad Mohamad, Wan Ahmad Daud dan Sheikh Ahmad Mohd juga dilihat menyokong kuat keputusan baginda untuk tidak menurunkan tandatangannya. Melihat kepada situasi tersebut, MacMichael menegaskan bahawa British masih boleh mendapatkan tandatangan daripada individu lain dengan cara menurunkan baginda daripada takhta kerajaan Perlis. Oleh itu, dengan rasa berat hati Tuanku Syed Putra Jamalullai telah menurunkan tandatangannya pada 4 Disember 1945.¹⁷ Walau bagaimanapun sebaik sahaja baginda menurunkan tandatangannya, Tuanku Syed Putra Jamalullai telah mengirimkan telegram kepada kerajaan British di London untuk menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap tindakan MacMichael. Malah baginda bersama-sama dengan Raja-raja Melayu yang lain turut memulaukan upacara perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union kemudiannya.

Seterusnya MacMichael pergi ke Kelantan dan berjaya mendapatkan tandatangan Sultan Ibrahim pada 17 Disember 1945.¹⁸ Di Kelantan MacMichael turut mendapat beberapa bantahan kecil daripada baginda. Seperti biasa, MacMichael menggunakan kuasa yang diberikannya oleh London untuk tidak mengiktiraf mana-mana Raja-raja Melayu yang enggan menurunkan tandatangan mereka. Oleh itu, Sultan Ibrahim akhirnya bersetuju menandatangani perjanjian tersebut pada 17 Disember 1945.

¹⁷ Ibid., hlm. 63.

¹⁸ Ibid.

Manakala Terengganu pula merupakan negeri terakhir yang dikunjungi oleh MacMichael dalam usaha mendapatkan tandatangan kesemua Raja-raja Melayu. Di Terengganu, Newbolt telah mengadap Sultan Ismail di Istana Maziah untuk mendapatkan persetujuan Sultan mengenai rancangan Malayan Union. Sultan Ismail pada mulanya agak keberatan untuk menandatangani dokumen tersebut kerana baginda sedar tindakannya itu adalah bercanggah dengan Undang-undang Tubuh bagi Negeri Terengganu yang tidak membenarkan Sultan bertindak sendirian untuk menyerahkan negeri kepada mana-mana kuasa. Fasal XIV Undang-undang Tubuh bagi Negeri Terengganu menjelaskan bahawa,

“Maka tiada lulus dan sah tiada sah sekali2 Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepaskan atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau haknya itu kepada sebarang mana2 kerajaan atau kepada kuasa2 bangsa Eropah atau lainnya. Maka jika Raja cubacuba lalui larangan dan tegahan itu nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan amanah yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu. Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli2 kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaannya. Dan diangkat gantinya pula.”¹⁹

Bagaimanapun Dato Jaya Perkasa,²⁰ menasihati Sultan Ismail supaya menandatangani perjanjian itu kerana menurutnya perkara tersebut tidak bercanggah dengan Undang-undang Negeri bagi Terengganu. Pada pandangannya, ‘...*Clausula 14 of the Constitution was meant to stop a Sultan from selling (as Singapore was sold years ago) leasing or pawning the state of any foreign state, that was not the purpose of the new treat*’.²¹ MacMichael pula menambah bahawa kerajaan British tidak pernah mengiktiraf Undang-undang tersebut. Berpandukan nasihat itulah, Sultan Ismail akhirnya bersetuju untuk menandatangani dokumen tersebut pada 21 Disember 1945.

¹⁹ Petikan ini diambil dari Nik Anuar Nik Mahmud, “Tengku Ali, British dan Takhta Terengganu” dalam *JEBAT*, 2001, hlm. 34-35.

²⁰ Nama sebenar beliau ialah Dato Jaya Perkasa Che Da Omar Mohamad. Beliau merupakan bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

²¹ Lihat Laporan T.A., Newbolt: Notes of Interview Between Brigadier A.T. Newbolts and His Highness The Sultan Elected of Terengganu and Leading Malay Notables on 20th December at the Istana MaziA dlm C.O 5237/2138.

Oleh itu, pihak British begitu terhutang budi kepada Dato Jaya Perkasa. Newbolt dalam laporannya kepada MacMichael menyatakan,

“The Dato Jaya has always been pro-British, ever since the early days when the practical applications of such sentiment was highly unpopular is doubly refreshing to find him occupying the chief post in the State, a reward for loyal services.”²²

Setelah dua bulan berusaha memujuk Raja-raja Melayu, akhirnya pada 21 Disember 1945, MacMichael berjaya mendapatkan kesemua persetujuan Raja-raja Melayu untuk melaksanakan perlembagaan Malayan Union. Walaupun masa tersebut dilihat singkat, namun ia bukanlah suatu tugas yang mudah untuk MacMichael mendapatkan tersebut.

Kuatkuasa Perlembagaan Malayan Union

Dalam menjalankan bidang kuasa yang diserahkan kepadanya oleh perjanjian ini, Kerajaan British telah membuat peruntukan bagi mentadbir Tanah Melayu dalam Perintah-dalam-Majlis Mesyuarat Kesatuan Tanah Melayu, 1946 dan dalam arahan Diraja bertarikh 27 Mac 1946. Ia dikenali sebagai perlembagaan Malayan Union.²³ Perlembagaan Malayan Union mempunyai 27 fasal. Antara beberapa perkara penting yang digariskan dalam Perlembagaan Malayan Union ialah membentuk sebuah kesatuan. Ia akan menggabungkan kesembilan buah negeri Melayu termasuklah Pulau Pinang dan Melaka dalam satu unit pentadbiran.²⁴ Manakala, Singapura pula akan diasingkan kerana kepentingannya sebagai sebuah pelabuhan bebas.²⁵ Seterusnya, Baginda Ratu England akan melantik seorang Gabenor British untuk mengetuai Malayan Union yang berpusat di Singapura. Sebagai ketua kerajaan, kuasa eksekutif dan perundangan berada di tangannya. Dalam menjalankan kuasa eksekutif

²² Ibid.

²³

²⁴ Malayan Union and Singapore, *Summary of Proposed Constitutional Arrangements*, Secretary of State for Colonies to Parliament by Command of His Majesty, London, 1946, hlm. 1-10.

²⁵ *Warta Negara*, 24 Januari 1946.

misalnya, Gabenor akan dinasihati oleh Majlis Eksekutif yang terdiri daripada Ketua Setiausaha, Peguam Negara, Setiausaha Kewangan dan tujuh orang ahli yang akan dilantik oleh Gabenor. Manakala dalam menjalankan kuasa perundangan pula, Gabenor akan dinasihati oleh Majlis Perundangan yang terdiri daripada Gabenor sebagai Yang Dipertua, ex-officio, ahli rasmi dan ahli tidak rasmi yang dilantik Gabenor atas arahan raja Britain.²⁶

Di bawah Malayan Union, institusi raja dikekalkan. Namun hampir keseluruhan kuasa baginda dilucutkan. Kedudukannya sebagai ketua negeri akan dikekalkan dengan simbol-simbol luaran seperti takhta dan istana. Baginda dibantu oleh sebuah majlis penasihat. Sebagai Yang Dipertua, baginda boleh melantik ahli majlis namun perlu mendapat pengesahan Gabenor terlebih dahulu. Majlis ini diberi kuasa yang terhad iaitu hanya dalam perkara yang berkaitan dengan Islam dan adat Melayu. Baginda juga tidak dibenarkan memungut zakat atau mengenakan apa-apa cukai. Di peringkat pusat pula, baginda tidak menjadi ahli bagi majlis eksekutif dan legislatif. Baginda sekadar menjadi ahli dalam Majlis Raja-raja. Majlis ini dipengerusikan oleh Gabenor dan ahli-ahlinya ialah Raja-raja Melayu serta ahli ex-officio. Majlis ini juga tidak mempunyai kuasa eksekutif dan perundangan. Ia hanya sebuah badan perundingan. Fungsi utamanya ialah membincangkan undang-undang berkaitan Islam dan menasihati Gabenor mengenai perkara-perkara yang dirujuk kepada majlis.²⁷

Dari segi kewarganegaraan pula, semua orang yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura tanpa mengira bangsa dan keturunan serta imigran yang bermastautin di Tanah

²⁶ Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, "Perlembagaan Malayan Union dan Perlembagaan 1948: Suatu Analisis dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar 60 Tahun Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2009, hlm. 50.

²⁷ Ibid., hlm. 51.

Melayu atau Singapura selama 10 daripada 15 tahun, sebelum Februari 1942 layak mendapat kewarganegaraan Malayan Union.²⁸

Namun begitu, tidak semua perlembagaan Malayan Union ini dilaksanakan. Hanya sebahagian daripada peruntukkan perlembagaan ini telah dikuatkuasa pada 1 April 1946 manakala sebahagian peruntukkan lagi tidak pernah dikuatkuasakan langsung. Malah, terdapat juga peruntukan sementara yang dikuasakan bagi keperluan sementara. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa perlembagaan Malayan Union ini mempunyai tiga jenis peruntukan. Pertama, peruntukan-peruntukan kekal yang dikuatkuasakan. Kedua, peruntukan-peruntukan kekal yang tidak pernah dikuatkuasakan. Ketiga, peruntukan-peruntukan sementara yang dikuatkuasakan.

Antara peruntukan-peruntukan kekal yang telah dilaksanakan adalah berkenaan dengan penubuhan sebuah kesatuan yang terdiri daripada Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Ia ditadbir oleh seorang Gabenor yang dilantik kerajaan British. Malah, kuasa pengampunan di seluruh Malayan Union juga terletak di tangan Gabenor. Selain itu, terdapat juga peruntukan mengenai pelantikan Ketua Hakim Mahkamah Agung bagi Malayan Union oleh Baginda King atau Gabenor atas arahan Baginda King. Begitu juga pelantikan hakim-hakim dengan cara yang sama seperti pelantikan Ketua Hakim atau dengan cara lain sebagaimana yang diperuntukkan sama ada dengan peraturan yang dibuat oleh Gabenor atau dengan undang-undang yang dibuat dibawah perintah Baginda King. Selain itu, perlembagaan Malayan Union juga memberi kuasa penuh kepada Baginda King untuk membuat undang-undang melalui perintah-dalam-Majlis demi

²⁸ Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm. 211.

menjaga keamanan dan ketenteraman pemerintahan Kesatuan. Kesemua ini merupakan peruntukan-peruntukan kekal yang telah berkuatkuasa.²⁹

Selain peruntukan kekal yang dikuatkuasakan, terdapat juga peruntukan-peruntukan kekal yang tidak dikuatkuasakan. Menurut A.J Stockwell, '*...vital provision like citizenship, the Executive and Legislative Councils, the State and Settlement Councils, the Council of Sultans, the Sultans' State Advisory Council were never implemented. The Malayan Union Citizenship Order in Council was deferred (indefinitely as it turned out) and only the Royale Instruction came into operation on 1 April 1946*'.³⁰

Antara lain faktor penting mengapa peruntukan Malayan Union tidak dilaksanakan ialah kerana perlembagaan tersebut mendapat tentangan daripada orang Melayu. Kertas Putih yang mengandungi butiran terperinci mengenai Malayan Union telah diisytiharkan pada 22 Januari 1946. Kertas putih ini mencetuskan tentangan daripada orang Melayu. Mereka tidak berpuas hati terhadap kerakyatan yang longgar diberikan kepada orang asing dan hilangnya kuasa Raja-raja Melayu. Penentangan tersebut menggambarkan adanya kepincangan dalam rancangan Malayan Union. Akhirnya kerajaan Britain bersetuju untuk mengadakan perundingan bagi mempertimbangkan seluruh usul yang terkandung dalam Perlembagaan Malayan Union. Setelah hampir tiga bulan pentadbiran Malayan Union dilaksanakan, sebuah Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada wakil-wakil pihak British, Raja-Raja Melayu dan wakil-wakil Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah dibentuk pada 25 Julai 1946. Ia bertujuan menyelesaikan krisis perlembagaan yang bertambah tegang dan merangka satu Perlembagaan baharu yang bersesuaian dengan tuntutan politik oleh orang Melayu dan kepentingan pihak British di Tanah Melayu.

²⁹ Gan Chee Keong, "Fundamental Liberties and Remedies in Malaysia: A Study of the Historical Perspective in the Making of Federal Constitution 1957", dalam *JUUM*, 2016, hlm. 6.

³⁰ A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 77.

Selain itu, masalah kekurangan kakitangan juga menyebabkan sebahagian peruntukan dalam perlembagaan Malayan Union tidak dapat dilaksanakan. Walaupun dikatakan jumlah pegawai terlalu ramai, namun rata-rata pegawai yang ada kurang berpengalaman.³¹ Menurut satu laporan awam, ‘...you can have no conception how weak was the government organization; lacking in equipment, training personnel and health’.³² Ketiadaan kakitangan yang berpengalaman ini menyebabkan Perlembagaan Malayan Union tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Memandangkan sebahagian peruntukan kekal Malayan Union tidak dapat dilaksanakan, namun untuk memastikan pentadbiran Malayan Union dapat dilaksanakan beberapa peruntukan sementara telah diperkenalkan. Antara peruntukan-peruntukan sementara yang dikuatkuasakan adalah berkenaan dengan penubuhan sebuah Majlis Penasihat bagi Malayan Union. Majlis ini terdiri daripada Setiausaha, Peguam Negara, Setiausaha Kewangan dan ahli-ahli lain sebagaimana yang dilantik oleh Gabenor. Sementara menunggu penubuhan Majlis Undangan, Gabenor mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang demi menjaga keamanan dan ketenteraman pemerintahan Malayan Union, tetapi sebelum berbuat demikian Gabenor wajib berunding dengan Majlis Penasihat terlebih dahulu. Walau bagaimanapun Gabenor tidak semestinya menerima pakai nasihat yang diberikan dalam Majlis tersebut.³³ Selain itu, dalam menjalankan kuasa keseluruhan pemerintahan, beliau juga tidak perlu mendapatkan nasihat daripada majlis tersebut.³⁴ Memandangkan dalam Malayan Union tidak ada kerajaan Negeri, maka pegawai kanan Kerajaan di tiap-tiap

³¹ Menurut Stockwell, ‘...the clumsiness of the system was mainly due to a shortage of experienced officers, and although the government had underestimated the number who would survive Japanese internment, the management of the Malayan Union required a larger number of experienced European staff than was available’. Lihat A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 78.

³² Ibid.

³³ Gan Chee Keong, “Fundamental Liberties and Remedies in Malaysia: A Study of the Historical Perspective in the Making of Federal Constitution 1957”, hlm. 7.

³⁴ Abdul Majid Abdul Latif & Ridzuan Omar (terj.), *Mengenal Perlembagaan Malaysia oleh Tun Muhammad Suffian Bin Hashim*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 12-13.

negeri adalah pegawai tanah jajahan British yang dikenali sebagai Pesuruhjaya-Residen. Selain itu, tiada lagi jawatan menteri besar atau Setiausaha Kerajaan dan juga tiada lagi Badan Perundangan Negeri. Majlis Penasihat yang diketuai oleh Sultan di negeri Baginda hanya mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai hal ehwal agama Islam sahaja.³⁵

Dato Onn sendiri sebenarnya kurang senang dengan perjalanan pentadbiran Malayan Union. Menurutnya,

“...your Resident commissioner and myself each go our separate way. I am left completely in the dark as to what is happening in the State of Johore. Plans, schemes every darned thing of any importance is secret to me. I hear of conferences but I am left guessing as to what schemes may have been hatched and what plans are to be put into effect without the Malays have a say in the matter. The whole country is ruled by one man”.³⁶

Persekutuan 1948

Perlembagaan Persekutuan 1948 terhasil daripada perjanjian yang ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan Sir Gerard Edward James Gent sebagai wakil Raja Britain pada 21 Januari 1948 dan dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948. Berikutan itu satu siri perjanjian negeri turut ditandatangani secara berasingan antara pihak British dengan kesembilan orang Raja Melayu. Perlembagaan Persekutuan 1948 memperuntukkan gabungan kesembilan buah negeri Melayu bersama Pulau Pinang dan Melaka bagi membentuk sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu.³⁷ Serentak itu, perjanjian negeri juga secara berasingan memperuntukkan para baginda supaya mengadakan satu perlembagaan bertulis bagi pemerintahan negeri baginda.³⁸ Bagi Pulau Pinang dan Melaka satu perintah dalam

³⁵ Ibid., hlm. 14.

³⁶ A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 83.

³⁷ *The Law of The Constitution of Selangor, First Part*, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, hlm. 1.

³⁸ Ibid.

Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah diisytiharkan memperuntukkan perlembagaan bertulis bagi kedua-dua negeri tersebut.³⁹

Bagi pihak orang Melayu perjanjian Persekutuan 1948 merupakan satu kemenangan besar kerana ia mengembalikan hak pertuanan Melayu; dalam erti kata Tanah Melayu merupakan negeri bertuan. Oleh itu, pihak British tidak boleh sewenangnyanya menentukan apa yang ia kehendaki dan apa yang perlu dibuang. Bagi persepsi Raja-raja Melayu pula perjanjian tersebut telah mengembalikan kedaulatan baginda. Keyakinan baginda dalam soal tersebut diperkukuhkan dengan kandungan Fasal 155 Perjanjian Persekutuan, '*save as expressed herein, this agreement shall not affect the sovereignty and jurisdiction of their Highnesses the Rulers in their several States.*'⁴⁰ Isunya di sini, adakah British bersedia untuk pergi terlalu jauh sehinggakan terpaksa berundur daripada dasar yang telah dirancang sebegitu teliti. Ataupun British sebenarnya cuba mengambil pendekatan yang lebih sederhana iaitu 'desakan dalam rundingan'. Apa yang penting, bagi pihak British matlamat akhirnya mesti dicapai.

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan 1948, ketua kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ialah Pesuruhjaya Tinggi. Dia diperuntukan kuasa eksekutif yang sangat luas.⁴¹ Beliau akan dibantu oleh Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Pusat. Majlis Eksekutif terdiri daripada 17 ahli rasmi dan tidak rasmi. Manakala Majlis Perundangan Pusat terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi sebagai Yang Dipertua, Ketua Setiausaha, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan. Ahli rasmi yang lain termasuklah Sembilan Ketua Menteri dari Negeri-negeri Melayu dan sebelas orang pegawai kerajaan yang dilantik sebagai Pesuruhjaya. Ahli-ahli tidak rasmi pula adalah seramai 50 orang yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi

³⁹ Muhamad Kamil Awang, *Sultan dan Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 80.

⁴⁰ J.de V. Allen, A.J. Stockwell & L.R. Wright, *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the State of Malaysia, 1761-1963*, Volume II, New York: Oceana Publication, hlm. 196.

⁴¹ The Federation of Malaya Agreement, Jadual Kedua.

untuk mewakili kategori seperti berikut; enam wakil buruh; enam wakil peladang getah dan kelapa sawit (tiga syarikat awam dan tiga pekebun kecil); empat wakil perlombongan; enam wakil perniagaan; enam wakil pertanian dan penternakan; enam wakil professional, pendidikan dan kebudayaan; sembilan wakil negeri-negeri Melayu; dua wakil Melaka dan Pulau Pinang; dua wakil Cina dan seorang wakil daripada India, Ceylon dan Eurasian.⁴² Agihan ini membolehkan orang Melayu memperoleh jumlah keseluruhan 31 kerusi iaitu 22 tidak rasmi dan Sembilan Ketua Menteri menjadikan mereka kaum minoriti yang terbesar daripada 75 orang ahli Majlis.

Dari sudut bidang kuasa, Majlis Perundangan Persekutuan yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi serta majoriti ahlinya orang bukan Melayu diperuntukan dengan kuasa yang luas. Berdasarkan Jadual Dua Perjanjian Persekutuan 1948, jelas menunjukkan bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi, percukaian selain cukai-cukai kecil.⁴³ Dari satu segi, bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan yang begitu luas dapat diimbangi dengan peruntukan kuasa yang diberikan kepada Raja-raja Melayu. Fasal 54 Perjanjian Persekutuan 1948, jelas menyatakan bahawa tiada rang undang-undang yang akan menjadi undang-undang sehingga mendapat perkenan Raja-raja Melayu, yakni Majlis Raja-raja. Perkenan tersebut mestilah dizahirkan dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua orang Raja Melayu melalui cop mohor baginda.⁴⁴

Walau bagaimanapun, dalam fasal yang sama turut menyatakan bahawa rang undang-undang yang akan dijadikan undang-undang juga perlulah mendapat perkenan Pesuruhjaya Tinggi. Sehubungan itu, klausa menggubal bagi undang-undang di peringkat pusat menyebut, *“enacted by the High Commissioner of the Federation of Malaya and their Hignesses the*

⁴² Muhamad Kamil Awang, *Sultan dan Perlembagaan*, hlm. 80.

⁴³ The Federation of Malaya Agreement, Jadual Kedua.

⁴⁴ Ahmad Ibrahim, “Legislation in The Malay States”, dalam *The Malayan Law Journal Supplement*, 2, 1977, hlm. 1xix.

Rulers of the Malay States with the advice and consent of legislative council".⁴⁵ Dengan kata lain, meskipun kuasa perundangan Raja-raja Melayu telah dikembalikan, namun berdasarkan Perlembagaan Persekutuan 1948, kuasa itu sebenarnya dikongsi bersama dengan pesuruhjaya tinggi. Hak perundangan sedemikian merupakan satu perkara baru dan tidak pernah berlaku di era sebelum perang.

Jika dianalisis dengan mendalam, hak perundangan Pesuruhjaya Tinggi berbanding Raja-raja Melayu dilihat lebih anjal. Maknanya, jika terdapat rang undang-undang yang tidak dipersetujui oleh para baginda, Pesuruhjaya Tinggi boleh menggunakan sekurang-kurangnya duacara sekiranya mahukan rang undang-undang itu dilaksanakan. Pertama, Pesuruhjaya Tinggi boleh menggunakan fasal 8 Perjanjian Persekutuan 1948. Menurut fasal ini, Raja-raja Melayu hendaklah menerima nasihat Pesuruhjaya Tinggi dalam semua perkara berhubung dengan kerajaan persekutuan kecuali dalam perkara yang menyentuh agama islam dan adat istiadat Melayu. Kedua, melalui kuasa rizab yang diperuntukkan kepada Pesuruhjaya Tinggi. Fasal 52 menyebut, sekiranya terdapat rang undang-undang atau usul yang tidak diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan tetapi dirasakan penting oleh Pesuruhjaya Tinggi demi kepentingan dan kebaikan awam, maka Pesuruhjaya Tinggi boleh melaksanakan rang undang-undang atau usul tersebut seolah-olah ia telah diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.

Majlis Raja-raja pula diwujudkan melalui peruntukan fasal 67 Perjanjian Persekutuan 1948. Majlis ini dipengerusikan oleh salah seorang daripada Raja-raja Melayu. Keanggotaannya pula terdiri daripada kesemua Sembilan Raja Melayu.⁴⁶ Selain mempertimbangkan dan memberi penekanan kepada rang undang-undang Persekutuan, Majlis Raja-raja juga mempertimbangkan perkara berkaitan skim gaji baru dan penyusunan

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Abdul Aziz Bari, *Majlis Raja-raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 25.

semula perkhidmatan dan jabatan kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi tanggungjawab Pesuruhjaya Tinggi untuk menjelaskan dasar kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan negeri-negeri Melayu kepada Raja-raja dan memastikan bahawa Raja-raja diberi hak untuk memberi pandangan baginda terhadap perkara-perkara yang dibentangkan. Di bawah peruntukan khas mengenai imigrasi yang menjadi bidang kuasa kerajaan Persekutuan, Pesuruhjaya Tinggi dikehendaki meminta pendapat Majlis Raja-raja dari semasa ke semasa khususnya jika terdapat sebarang perubahan dasar yang besar. Sekiranya Raja-raja Melayu membantah perubahan dasar mengenai migrasi, ia harus dirujuk kepada Majlis Perundangan Persekutuan untuk kelulusan atau penolakan. Dalam kes ini hanya ahli tidak rasmi sahaja yang boleh mengundi meskipun semua ahli boleh memberi pandangan.⁴⁷

Jika didasarkan kepada bidang kuasa perundangan negeri, nyata bahawa hasrat perancangan British yang tidak mahu Raja-raja Melayu memiliki hak perundangan yang luas sememangnya jelas. Perlembagaan negeri yang diwujudkan mestilah selari dan tidak boleh bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Majlis Negeri juga mempunyai bidang kuasa yang terhad. Bidang kuasa perundangan negeri hanya meliputi perkara-perkara yang ditinggalkan oleh Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan 1948. Dari perspektif perlembagaan negeri, walaupun baginda diakui sebagai sumber kuasa yang sah, namun disebabkan Majlis Negeri mempunyai bidang kuasa yang terhad, peruntukan itu tidak mungkin dapat meletakkan Raja-raja Melayu pada kedudukan yang sama seperti di era sebelum Perang Dunia Kedua. Selain perkara-perkara yang ditinggalkan oleh Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan 1948, Majlis Negeri juga boleh membuat undang-undang berkaitan agama Islam dan adat Melayu. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat undang-undang yang diluluskan oleh majlis bertentangan dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang itu terbatal setakat mana ia bertentangan.

⁴⁷ Muhamad Kamil Awang, *Sultan dan Perlembagaan*, hlm. 82.

Dari sudut hak kewarganegaraan dapat disimpulkan bahawa orang Melayu telah pun bertolak ansur sejak tahun 1948 lagi. Walaupun syarat kewarganegaraan telah diperketatkan, namun Perlembagaan Persekutuan 1948 tetap secara implisit menyatakan bahawa Tanah Melayu melalui 1 Februari 1948, bukanlah tanah untuk orang Melayu semata-mata.⁴⁸

Kesimpulan

Keberhasilan MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu dalam tempoh tiga bulan, dapat disifatkan bukan suatu perjalanan yang mudah. Persiapan rapi yang disediakan bagi MacMichael menghadapi Raja-raja Melayu, membuktikan bahawa British sudah dapat mengesan bahawa mereka akan berhadapan reaksi sukar. Reaksi Yam Tuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Perak, Sultan Kedah dan Raja Perli menunjukkan bahawa Raja-raja Melayu sememangnya amat sensitif dan sedar kesan perjanjian tersebut terhadap baginda dan orang

⁴⁸ Dalam Bahagian 12 Perjanjian Persekutuan 1948, telah disebut tentang pembentukan dan pengesahan Rakyat Raja dan Rakyat British yang berlaku secara kuatkuasa Undang-undang. Mengikut fasal 124 (1) mereka yang menjadi rakyat dalam kategori ini adalah:

- a) Mana-mana rakyat Yang Maha Mulia Raja-raja bagi mana-mana Negeri Melayu sama ada diperanakkan dahulu atau pada atau kemudian daripada hari yang ditetapkan;
- b) Mana-mana rakyat British yang dilahirkan dalam salah satu dari Negeri Selat sama ada dahulu, pada atau kemudian daripada hari yang ditetapkan itu yang tinggal dalam mana-mana negeri yang terkandung dalam Persekutuan;
- c) Mana-mana rakyat British yang telah diperanakkan dahulu, pada atau kemudian daripada hari yang ditetapkan dalam mana-mana negeri yang terkandung dalam Persekutuan;
 - (i) Jika bapanya diperanakkan di mana-mana negeri yang sekarang ini terkandung dalam Persekutuan;
 - (ii) Jika pada hari yang diperanakkan itu bapanya telah tinggal tetap dalam negeri tersebut;
- d) Mana-mana orang yang diperanakkan dahulu, pada atau kemudian daripada hari yang ditetapkan itu dalam mana-mana negeri yang sekarang akan terkandung dalam Persekutuan dan bertabiat bercakap Bahasa Melayu dan mengikut adat resam Melayu;

3 (i) dalam fasa kecil (i) perkataan “Rakyat Yang Maha Mulia bagi mana-mana Negeri Melayu” itu maknanya mana-mana orang yang:

- i) Termasuk dalam bilangan kaum asli yang tinggal di dalam negeri itu; atau
 - ii) Menjadi orang Melayu yang diperanakkan di dalam negeri itu atau diperanakkan di luar negeri-negeri Melayu jika bapa orang itu menjadi rakyat raja negeri itu pada ketika orang itu diperanakkan; atau
 - iii) Telah diaku menjadi ‘naturalised’ rakyat raja mengikut mana-mana undang-undang yang pada masa itu berjalan kuasanya.
- b) perkataan ‘Melayu’ makanya seorang yang:
- i) sudah jadi tabiinya bercakap Bahasa Melayu; dan
 - ii) mengikut agama islam; dan
 - iv) Menurut adat resam Melayu

Dipetik daripada Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 214-215.

Melayu. Sementara itu, penentangan orang Melayu dan kekurangan pegawai yang berpengalaman merupakan faktor mengapa sebahagian Peruntukan Kekal perlembagaan Malayan Union tidak dapat dilaksanakan. Dalam tempoh menunggu penyelesaian dicapai, beberapa Peruntukan Sementara telah diperkenal bagi memastikan jentera pentadbiran Malayan Union dapat dilaksanakan. Meskipun Malayan Union gagal, namun perlembagaan Persekutuan 1948 sebenarnya memberi ruang kepada British mencapai matlamat asas mereka. Apa yang berlaku, pendekatan yang diambil British dilihat lebih sederhana iaitu dengan cara ‘desakan dalam rundingan’. Selain itu, dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu, sebahagian besar prerogatif Raja-raja Melayu terpaksa diserahkan kepada kerajaan pusat. Ini bermakna, kedudukan mereka seperti sebelum Perang Dunia Kedua, tidak dikembalikan sepenuhnya.

Bibliografi

Abdul Aziz Bari, *Majlis Raja-raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Ahmad Ibrahim, “Legislation in The Malay States”, dalam *The Malayan Law Journal Supplement*, 2, 1977.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Perlembagaan Malayan Union dan Perlembagaan 1948: Suatu Analisis dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar 60 Tahun Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2009.

Allen, J. de V., *The Malayan Union*, New Heaven, Yale: University Southeast Asia Studies, 1967.

Allen, James de V.; Stockwell, A.J; and Wright, L.R. (eds.), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963*, 2 Vol., London: Oceana Publications, 1981.

Gan Chee Keong, “Fundamental Liberties and Remedies in Malaysia: A Study of the Historical Perspective in the Making of Federal Constitution 1957”, dalam *JUUM*, 2016.

Lau, Albert, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991.

Lau, Albert, "The Colonial Office and the Emergence of the Malayan Union Policy, 1942-1943", in R.B. Smith and A.J. Stockwell (eds.), *British Policy and the Transfer of Power in Asia: Documentary Perspective*, London: School of Oriental and African Studies, 1988.

Mohamed Noordin Sophiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region, 1945-1965*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974.

Muhamad Kamil Awang, *Sultan dan Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

Muhammad Suffian Bin Hasyim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998.

Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*, New York: Oxford University Press, 1995.

Simandjuntak, B., *Malayan Federalism 1945-1963: A Study of Federal Problems in a Plural Society*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969.

Stockwell, A.J., *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, Kuala Lumpur: MBRAS Monograph No: 8, 1979.

Stubbs, Richard, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency, 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989.

Stockwell, A.J., "Colonial Planning during World War II: The Case of Malaya", 2,3, 1974.

T.A. Newbolt: Notes of Interview Between Brigadier A.T. Newbolts and His Highness The Sultan Elected of Terengganu and Leading Malay Notables on 20th December at the Astana Mazia dalam C.O 5237/2138.

The Law of The Constitution of Selangor, First Part, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan. The Federation of Malaya Agreement, Jadual Kedua.

Lampiran 1:

Report on a Mission to Malaya by Sir Harold A. MacMichael, G.C.M.G., D.S.O (October, 1945-January, 1946)

APPENDIX C

REPORT ON A MISSION TO MALAYA BY SIR HAROLD A. MACMICHAEL, G. C. M. G., D. S. O. (October, 1945-January, 1946)

Published by the Malayan Union Government Press, Kuala Lumpur, 1946.

After the defeat and surrender of Japan, I was sent as Special Representative of His Majesty's Government, in the autumn of 1945, to conclude formal Agreements with the Rulers of the nine States, which, together with the British Settlements of Penang and Malacca, cover the mainland of Malaya. My task was completed by Christmas and I returned to England in January, 1946.

2. It would be superfluous for me to preface my report with the usual synopsis of the history, geography and ethnography of the country. The informational background is amply provided in numerous textbooks, reports, etc., all readily accessible.

